



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 24 JANUARI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	80 KILOGRAM PRODUK BABI DIRAMPAS, SINAR NEGERI KELANTAN, SINAR HARIAN- 34	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	BERNAS LANCAR BUKU KOMPILASI 25 RESIPI SAJIAN SARAWAK BERASASKAN BERAS, BERNAS, SINAR HARIAN- 11	PADI BERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
3.	SAWAH SEMAKIN DAHAGA, LOKAL, HARIAN METRO- 8	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# 80 kilogram produk babi dirampas

Cuba dibawa masuk  
penumpang di LTSIP

Oleh ROSMIZA KASIM

KOTA BHARU

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 50 kilogram (kg) daging babi salai yang cuba dibawa masuk ke negara ini di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) di sini Ahad lalu.

Selain itu, Maqis turut berjaya merampas pelbagai jenis produk babi seberat 30kg di lapangan terbang tersebut setelah membuat pemeriksaan terhadap 10 penumpang dari Singapura pada jam 12.30 tengah hari kelmarin.

Pengarah Maqis Kelantan,



Pegawai Maqis memuatkan produk babi dirampas daripada penumpang yang tiba dari Singapura di LTSIP kelmarin.

Azam Yahya berkata, hasil pemeriksaan dibuat terhadap semua warga Singapura yang baru tiba melalui penerbangan dari Singapura di balai ketibaan LTSIP menemui pelbagai jenis produk babi yang dibungkus

dengan pembalut plastik dalam begasi masing-masing.

"Produk tersebut dirampas atas kesalahan tidak mempunyai permit import sah yang dikeluarkan oleh Maqis serta tidak mempunyai sijil kesihatan dari

pihak berkuasa negara asal.

"Produk babi itu dipercayai dibawa masuk untuk kegunaan sendiri. Anggaran nilai rampasan produk babi tersebut mencecah RM5,000 dan menjadi rampasan terbesar produk babi

setakat ini di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Azam berkata, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang jika sabit kesalahannya boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama.

Katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengeluarkan arahan larangan pengimportan babi dan produk babi dari 13 negara iaitu China, Thailand, Vietnam, Laos, Poland, Belgium, Kemboja, Hong Kong, Myanmar, Laos, Korea, Filipina dan Indonesia sebagai langkah pencegahan penyebaran virus demam babi Afrika (ASF).

"Semua pelancong diminta mematuhi larangan pengimportan produk babi terutama ketika musim perayaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2020	SINAR HARIAN	BERNAS	11

# BERNAS lancar buku Kompilasi 25 Resipi Sajian Sarawak Berasaskan Beras

**B**ersempena sambutan ulangtahun ke 25, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) melancarkan buku Kompilasi 25 Resipi Sajian Sarawak Berasaskan Beras di Kampung Budaya Sarawak di sini pada 18 Januari lalu. BERNAS yang beroperasi di Sarawak menerusi anak syarikatnya, BCSB Sarawak mempunyai kakitangan seramai hampir 200 orang. BCSB bertanggungjawab memastikan keperluan bekalan beras penduduk Sarawak sentiasa stabil dan terpelihara. Sebagai sebuah agensi yang menguruskan bekalan beras negara, BERNAS turut prihatin dengan kepelbagaian variasi beras yang terdapat di bumi Kenyalang. Justeru, BERNAS mengambil inisiatif untuk menerbitkan buku resipi yang menonjolkan 25 keunikan masakan Sarawak menggunakan pelbagai jenis beras antaranya adalah Beras Aden (Barlo), Beras Huma, Beras Putih Tempatan dan Beras Pulut.

### Masakan Sarawak unik, pelbagai

Ketua Pengurusan Gudang (Malaysia Timur) BERNAS, Khairul Anwar Pharo berkata, idea penghasilan buku resipi itu lahir

daripada keunikan dan kepelbagaian masakan Sarawak.

"Negeri Sarawak memang terkenal dengan penduduknya yang berbilang kaum, kebudayaan serta cara hidup yang istimewa.

Berinspirasi keistimewaan ini, BERNAS turut mengambil peluang untuk menampilkan variasi masakan dan kuih muih berasaskan beras yang semakin dilupakan terutamanya dikalangan generasi muda.

Penerbitan buku ini adalah sebahagian daripada sumbangan BERNAS kepada masyarakat Sarawak dan Malaysia umumnya untuk terus memelihara resipi masakan tradisional berasaskan beras yang popular dalam kalangan pelbagai etnik di Sarawak," katanya.

Bellau berkata, untuk permulaan, buku resipi itu akan diedarkan kepada agensi-agensi kerajaan, perpustakaan sekolah dan Perpustakaan Negeri Sarawak. "Insya-ALLAH kita akan menerbitkan

**BERNAS juga berharap agar penerbitan buku resipi ini dapat memberi peluang kepada semua pihak untuk mengenali keunikan masakan pelbagai etnik di Bumi Kenyalang ini**

buku resipi ini secara digital di laman sesawang BERNAS tidak lama lagi.

"BERNAS juga berharap agar penerbitan buku resipi ini dapat memberi peluang kepada semua pihak untuk

mengenali keunikan masakan pelbagai etnik di Bumi Kenyalang ini," katanya.

### Berkongsi rezeki bersama asnaf

Khairul Anwar berkata, selain pelancaran buku Kompilasi 25 Resipi Sajian Sarawak Berasaskan Beras, BERNAS dan BCSB turut memberi sumbangan Zakat BERNAS berbentuk wang ringgit, beras 5kg dan beg sekolah. Katanya, seramai 70 anak-anak asnaf dari Sekolah Kebangsaan (SK) Buntal dan SK

Santubong, Sarawak menerima sumbangan itu daripada Pengarah Urusan BERNAS, Ismail Mohamed Yusoff.

"Diharap sumbangan ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar kurang berkemampuan meneruskan sesi persekolahan tahun ini dengan lebih ceria dan selesa," katanya.



**KEMARAU MULA MENYAPA**

# Sawah makin dahaga

*Perlis henti salur air ke sawah elak bekalan air penduduk terjejas*

Oleh Dzyaul Afnan  
Abdul Rahman  
am@hmetro.com.my

**Kangar**

**P**erlis menghentikan seketika penyaluran bekalan air dari Empangan Timah Tasoh ke sawah di dalam negeri ini berikutan kemarau dijangka sehingga Mac depan.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man berkata, langkah itu dibuat bagi mengelakkan bekalan air di empangan berkurangan sehingga boleh menjelaskan kegunaan harian penduduk di Perlis.

"Sehingga hari ini paras air di dalam empangan masih belum kritikal dan kita masih boleh bertahn walaupun air semakin berkurangan dan hujan di kawasan tertentu beberapa hari lalu.

"Jadi, buat masa ini

berdang yang kering itu, memang kita tidak boleh lakukan apa lagi dan pesawah juga faham dengan situasi yang melanda kini (bertubung penghentian penyaluran air ke sawah).

"Namun, jika cuaca panas yang melampau berterusan, berkemungkinan kita akan mengambil langkah mencatu air kegunaan harian kepada penduduk, tetapi setakat ini kita masih boleh bertahan," katanya ketika ditemui pada Pameran Terbuka Seni Visual 2020 di Kangar, kelmarin.

Azlan bagaimanapun berkata, bekalan air berasal dari Perlis ke Pulau Langkawi,

Kedah masih diteruskan seperti biasa dan pihaknya tidak bercadang untuk mengambil langkah mencatu buat masa ini.

"Sumber utama bekalan air harian ke Pulau Langkawi adalah dari Sungai Arau dan Tambun Tuliang, setakat ini ia disalurkan seperti biasa dan saya jamin ia tidak akan terjejas," katanya.

Sementara itu, mengulas berhubung masalah kecetakan air di Kuala Perlis sehingga menjejaskan perjalanan feri dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi, Azlan berkata, pembinaan terminal feri atau jeti yang bah-

ru adalah langkah penyelesaian terbaik.

"Kerja pendalaman laut setiap tahun sudah dilakukan di Kuala Perlis dan kosnya menelan lebih RM20 juta setahun dan ditanggung oleh Pusat, namun masalah terbabit masih belum selesai sepenuhnya.

"Jika sodah 10 tahun la menelan lebih RM250 juta, jadi lebih baik kos terbabit digunakan untuk membina jeti di kawasan yang bersempadan dan kerajaan negeri sudah menyuarakan perkara ini kepada Pusat," katanya.

Beliau berkata, perkara terbabit masih diperingkat cadangan oleh kerajaan negeri dan hanya boleh dilaksanakan sekiranya mendapat kelulusan peruntukan daripada Pusat atau inisiatif pihak swasta.

